



→ BISNES

Uber perluas operasi ke bandar lain



Laman aplikasi Uber.

Info

Uber Malaysia

- **Beroperasi** di Malaysia sejak tiga tahun lalu.
- **Memiliki** puluhan ribu pemandu.
- **Babitkan keseluruhan** perjalanan 128 juta kilometer.

→ Khidmat pengangkutan kekal dapat sambutan pengguna di Malaysia

Oleh **Mohd Zaky Zainuddin**
zaky@bh.com.my

Malaysia menjadi pasaran antara pasaran yang berpotensi besar kepada perkhidmatan Uber selepas mencatatkan pertumbuhan membebangsangkan dalam penyediaan perkhidmatan perkongsian kenderaan sejak tiga tahun lalu.

Susulan itu, Pengurus Besar bagi Pengembangan Perniagaan Malaysia Uber, Kenny Choong (**gambar**), berkata syarikat berkenaan bercadang mengembangkan operasinya ke beberapa bandar lagi pada tahun hadapan.

"Uber terus mendapat tempat

dalam kalangan pengguna di Malaysia. Kami kekal positif dengan pasaran Malaysia.

Uber di lapan bandar

"Ketika ini Uber boleh didapati di lapan bandar dan kami jangkakan lebih banyak bandar akan mendapat akses Uber tahun depan," katanya pada taklimat media di Petaling Jaya, semalam. Turut hadir, Ketua Komunikasi Uber Malaysia dan Singapura, Leigh Wong.

Ketika ini, Uber beroperasi di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Ipoh, Kota Kinabalu, Kuching, Melaka dan Seremban.

Choong berkata, pembukaan laluan transit aliran massa (MRT) semalam bagi fasa pertama dan

keseluruhan laluan Sungai Buloh Kajang, Julai depan akan menjadi pemacu utama pertumbuhan Uber. "Sebanyak 24 peratus daripada penggunaan perkhidmatan Uber bermula atau berakhir di stesen transit aliran ringan (LRT).

"MRT, sudah pasti akan memberi impak positif kepada perkhidmatan Uber," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan kaedah pembayaran secara tunai sejak Mei lalu juga menyumbang kepada pertumbuhan penggunaan Uber di Malaysia.

Uber Malaysia turut melancarkan kempen UberTwelve bermula semalam hingga 26 Disember yang menawarkan hadiah menarik kepada pengguna.